



'Hadiah' yang dilaknat Tuhan

Firman Allah pada ayat 27-28 surah al-Anfaal yang bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.

Dalam kehidupan kita bermasyarakat, adalah menjadi kebiasaan untuk kita saling bantu membantu antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama. Amalan ini merupakan salah satu cara bagi mengeratkan silaturrahim. Islam sendiri menggalakkan umatnya untuk melakukan apa jua kebaikan sama ada pertolongan tersebut berupa hadiah, sedekah, hibah, wakaf dan sebagainya. Apa yang paling utama menurut ajaran Islam ialah pemberian yang dilakukan itu perlulah ikhlas kerana Allah SWT semata-mata tidak kiralah sama ada ia nya kecil mahupun besar, sedikit atau banyak, murah ataupun

mahal, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis:

Maksudnya : " Dari Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: *janganlah engkau menghinakan seorang jiran yang menghadiahkan kepada jirannya walaupun hanya dengan kuku kambing.*"

Hadiah adalah suatu pemberian yang diberikan tanpa mengharapkan balasan. Ia diberikan sebagai tanda penghargaan, tanda ingatan dan mengeratkan ikatan silaturrahim serta kasih sayang antara satu dengan yang lain seperti hari jadi atau lulus peperiksaan.

Namun sayangnya, terdapat segelintir orang yang menyalahgunakan



"Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil, dan janganlah kamu mengeluarkan harga kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, pada hal kamu mengetahui salahnya."

pemberian hadiah sehingga menjadi satu kesalahan yang besar. Si pemberi hadiah, memberikan hadiah hanya untuk mencapai apa yang dikehendaki.

Hakikatnya, pemberian yang dihulur sebenarnya terpalit noda kotor lagi hina. Hadiah indah itu hanya bertujuan untuk mendapat balasan dari si penerima. Tanpa kata yang diucap, si pemberi sudah memasang angan, berkenaan habuan yang bakal diterimanya kelak.

Si penerima pula sudah pasti, hatinya berbunga dan ingin berbalas budi. 'Rasa terikat' dan 'terhutang budi' akan mula melahirkan rasa ingin 'memberi' lebih dari itu.

Tanpa disedari, di sinilah bermulanya jenayah rasuah. Walaupun memberi dan menerima itu adalah suatu kebiasaan, namun ia akan berubah menjadi 'RASUAH' andai tersimpan 'niat kotor' di hati.

Undang-undang telah menetapkan bahawa rasuah adalah satu jenayah yang perlu dibendung dan para pelakunya iaitu pemberi dan penerima rasuah akan dihukum. Islam juga telah menetapkan bahawa perbuatan rasuah adalah haram dan hukumannya berdosa besar. Bahkan Allah SWT melaknat pemberi dan penerima rasuah. Dalam surah Al-Baqarah ayat 188, Allah SWT telah berfirman yang melarang pemberian daripada melakukan rasuah.

Tafsirnya : "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil, dan janganlah kamu mengeluarkan harga kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, pada

hal kamu mengetahui salahnya."

Kita sebagai umat Islam diseru agar tidak menerima hadiah dari orang yang diketahui mempunyai urusan rasmi kerana perbuatan rasuah boleh berlaku tanpa disedari.

Larangan ini bersesuaian dengan ajaran Islam di mana Rasulullah s.a.w pernah mengutus Ibnu Utbiah kepada salah satu kabilah untuk mengutip zakat. Setelah beliau pulang Ibnu Utbiah pun menyerahkan hasil kutipan zakat kepada Baginda s.a.w, sedangkan ada sebahagian lagi tidak diserahkan kerana ia adalah hadiah pemberian yang diberikan oleh kabilah itu kepadanya. Ibnu Utbiah berkata: Ini bahagian kamu dan ini apa yang dihidiahkan kepada-ku. Mendengar ucapan itu Rasulullah s.a.w bersabda:

Maksudnya : "Mengapa kamu tidak tinggal dirumah bersama ayah dan ibu kamu menantikan hadiah itu sampai kepada kamu, sekiranya kamu memang benar orang yang jujur."

Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga pernah diberi hadiah tetapi ditolaknyanya. Kemudian dikatakan kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w sendiri pernah menerima hadiah. Mendengar ini, Umar menjawab bahawa apa yang diterima oleh Rasulullah s.a.w adalah hadiah tetapi hadiah yang diberikan kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz itu adalah sogokan.

Mari kita renungkan kedua-dua kisah ini di mana jika Ibnu Utbiah dan Umar Abdul Aziz tidak memegang jawatan mereka, apakah

mereka akan diberikan hadiah? Tanyakan soalan yang sama kepada diri kita sendiri adakah kita akan diberikan hadiah andai kita tidak memegang jawatan kita sekarang ini?

Kita harus sedar tentang bahaya rasuah kerana rasuah itu boleh menjejaskan imej negara. Rasuah juga boleh mengakibatkan sikap mementingkan diri sendiri dan menjejaskan keadilan. Bagi seseorang yang terlibat dalam gejala rasuah, perbuatannya itu boleh merosakkan imejnya sendiri serta keluarganya, selain daripada menerima hukuman seperti di penjara dan dibuang kerja.

Oleh itu sama-samalah kita menghindarkan diri dari terlibat dengan rasuah. Kita juga hendaklah sentiasa berwaspada dalam menerima sesuatu hadiah, kerana ditakuti tanpa kita sedari hadiah tersebut mengandungi unsur rasuah. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat, taufik dan hidayah dari Allah SWT serta dijauhkan daripada kemurkaan dan laknat-Nya.

MAKSUD RASUAH BPR

Bagi Badan Pencerah Rasuah (BPR), takrif rasuah juga meliputi kesalahan menawar, menjanjikan dan memberi rasuah, meminta dan menerima rasuah, menggunakan dokumen mengandungi butiran palsu, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri dan memiliki harta melebihi pendapatan.

Ia melibatkan dua pihak iaitu pemberi berniat untuk mengikat penerima dan pada masa yang sama penerima bertindak memihak kepada pemberi di mana-mana sektor, organisasi, agensi atau syarikat.